

25/08/2002

Generasi muda jangan lupa toleh ke belakang

Hasliza Hassan

KEBENCIAN orang Melayu kepada Inggeris semakin meluap-luap ketika penjajah menghantar utusannya, Harold McMichael membawa treaty Malayan Union untuk ditandatangani oleh raja Melayu pada 11 Oktober 1945.

Apabila diketahui sembilan raja Melayu sudah menandatangani treaty berkenaan dalam masa dua bulan kerana termakan pujuk rayu McMichael, orang Melayu bagaikan sudah hilang sabar.

Pengumuman McMichael bahawa Malayan Union berkuasa mentadbir Tanah Melayu dan Raja-raja Melayu hanya berkuasa mentadbir agama membuat orang Melayu mengamuk sehingga membawa kepada penubuhan Umno.

Kejayaan itu seterusnya mendorong semangat dan membulatkan tekad orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris yang akhirnya akur selepas diadakan rundingan.

Rombongan merdeka berlepas ke London pada 1 Januari 1956 diketuai Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai wakil parti Perikatan sementara Datuk Panglima Bukit Gantang menjadi wakil kepada Raja-raja Melayu.

Ahli rombongan lain ialah Tun Abdul Razak, Kolonel H S Lee, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, T H Tan dan wakil raja, Datuk Nik Kamil (Kelantan), Datuk Abdul Aziz Hamid (Selangor), Datuk Mohammed Seth (Johor) dan Abdul Kadir Shamsudin.

"Kita bertuah kerana kemerdekaan negara dicapai menerusi perbincangan yang berlangsung dalam suasana mesra, tidak seperti negara lain yang terpaksa berperang sehingga mengorbankan banyak nyawa.

"Rundingan selama 18 hari bermula 18 Januari antara rombongan Tunku dan Menteri Tanah Jajahan Inggeris, Sir Alan Lennox Boyd, bagi pihak Inggeris berjaya menghasilkan persetujuan," kata Tan Sri Mustafa Abdul Jabar ketika mengenang kembali saat bersejarah itu.

Bekas Setiausaha Agung Umno yang kini meniti usia 80 tahun, masih lancar menceritakan satu-persatu peristiwa yang dilaluinya bersama tokoh pejuang dulu berpandukan minit mesyuarat tulisan jawi dalam diari yang masih disimpan sehingga kini.

Mengenai tarikh kemerdekaan katanya, mungkin ramai tidak mengetahui penetapannya adalah sumbangan ahli falak, mufti Pulau Pinang, bekas Pengerusi Jawatankuasa Tetap Bahagian Agama Umno, juga datuk kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Allahyarham Abdullah Fahim.

Tarikh yang dipilih itu kemudian dicadangkan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaya, Tun Saadon Zubir dan mendapat persetujuan sebulat suara ahli Perhimpunan Agong Umno di bawah pimpinan Yang Dipertuanya, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

"Saya diberitahu Tun Saadon cerita ini selepas perhimpunan itu, bagaimana beliau tanpa segan silu meminta tokoh agama terulung itu menunaikan solat hajat meminta petunjuk Allah tarikh sesuai untuk kemerdekaan Tanah Melayu.

"Beliau ketika itu Ketua Pemuda dan timbalannya ialah Ahmad Badawi. Mereka berkawan baik dan Tun Saadon sering berkunjung ke rumah beliau sehingga tergerak hatinya meminta bantuan Sheikh Abdullah Fahim," katanya.

Sebagai orang lama, Mustafa menyifatkan dirinya beruntung kerana sempat menyaksikan usaha menghalang pelaksanaan Malayan Union, perjuangan Umno hingga negara mengalami perubahan pesat terutama di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau berharap agar generasi yang lahir selepas merdeka

tidak lupa menoleh ke belakang, menyingkap kembali perjuangan pemimpin lama sebagai pendorong untuk mereka mempertahankan keamanan serta kemakmuran yang dikecapi hingga kini.

Beliau juga tertarik dengan cadangan kerajaan untuk mengadakan sambutan hari kemerdekaan tahun ini dengan program berunsur agama kerana katanya, ia mengembalikan nostalgia lama.

Ketika rombongan merdeka berada di London untuk berunding dengan kerajaan Inggeris katanya, orang Umno di seluruh Tanah Melayu diminta menunaikan sembahyang hajat dan bacaan Yasin di masjid agar Allah memakbulkan niat rakyat menuntut kemerdekaan.

Beliau yang menjadi Khatib di Masjid Sungai Tawar, Sabak Bernam, turut memaklumkan permintaan itu kepada jemaah ketika menyampaikan khutbah Jumaat.

Begitu juga setiap kali tiba tarikh 31 Ogos, orang Melayu dulu menyambut hari kemerdekaan dengan menunaikan solat hajat di masjid dan upacara itu sudah dikira sebagai sambutan hebat ketika itu.

"Jika ada dermawan yang sudi menyumbang dan duit kerajaan, sambutan dibuat besar-besaran. Macam di kampung, kita berarak beramai bawa bendera diiringi paluan kompang. Itu pun sudah cukup meriah.

"Sorakan dipandang atau upacara besar-besaran hanyalah semangat secara lahiriah, yang penting adalah niat. Jika nak menunjuk bendera siapa lebih besar atau jalan siapa lebih bergaya, awak atau saya, habislah kalau macam itu.

"Sebaiknya, niat biar ikhlas kerana menurut hadis, cintakan negara adalah sebahagian iman. Maknanya jika kita ikhlas kasihkan tanah air, dapat pahala," katanya.

Ditanya langkah yang patut dilakukan agar generasi sekarang menghargai dan menghayati makna kemerdekaan, Mustafa berkata, menjadi tanggungjawab ketua perhubungan Umno di peringkat negeri membuat program sambutan hari kemerdekaan.

Beliau berkata, pemimpin di peringkat kampung, bahagian dan negeri perlu mengingati sejarah perjuangan pemimpin terdahulu supaya mereka tahu bahawa kemerdekaan Malaysia tidak datang melayang.

Sebaliknya, ia diperjuangkan oleh anggota Kongres Melayu Pertama yang dihadiri 41 persatuan Melayu membabitkan 107 wakil dan 56 pemerhati, yang patut dikenang dan dihargai jasa mereka.

"Sepanjang negara mengecapi kemerdekaan 45 tahun, pengalaman yang dilalui hendaklah dijadikan contoh dan teladan bagi memperbaharui azam serta niat kita sebagai rakyat Malaysia untuk mengubah nasib bangsa, agama, negara mencapai wawasan 2020," katanya.